



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**30 Syawal 1443 / 31 Mei 2022**

1. Semalam, Isnin, 29 Syawal 1443 bersamaan dengan 30 Mei 2022, sebanyak 254 dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 34,755 dos iaitu 81.0% bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak 605 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 20,946 dos iaitu 48.8%.
2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin kekal sebanyak 70.6%.
3. Hari ini, Selasa, 30 Syawal 1443 bersamaan dengan 31 Mei 2022, sebanyak **279 kes baru** telah dilaporkan iaitu 277 kes hasil ujian ART dan 2 kes adalah hasil dari 318 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes

yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **148,674** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala **1 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **215 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **146,854 kes**.
- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,597 kes** iaitu 6 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,591 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

4. Marilah kita terus berdoa semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman dan sejahtera, serta dijauhkan dari segala wabak penyakit. Dalam kesempatan ini juga, marilah kita bersyukur kehadiran Allah Subahanahu Wa Ta'aala atas jasa bakti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang tidak ternilai harganya kepada keamanan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta ini. Selamat menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-61 tahun diucapkan kepada seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 30 Syawal 1443H / 31 Mei 2022